



JAWATAN KOSONG

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk membuat permohonan jawatan seperti berikut. Keutamaan diberikan kepada Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

JAWATAN & GRED : JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT1

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SISTEM MAKLUMAT

TARAF JAWATAN : KONTRAK

JUMLAH KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan; dan
- (c) i. **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang Sistem Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- ii. **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang Sistem Maklumat atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
- iii. **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang Sistem Maklumat atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

**SYARAT
KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENAKLUKAN DI
BAWAH SYARAT-
SYARAT SKIM
PERKHIDMATAN**

: Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN

: Permohonan boleh dibuat melalui Borang Permohonan Jawatan Kosong yang boleh dimuat turun (*download*) melalui portal rasmi Majlis Daerah Perak Tengah : www.mdpt.gov.my atau melalui Kaunter Jabatan Khidmat Pengurusan dan Penguatkuasaan, MDPT.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :

- (a) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.
- (b) Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- (c) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga. **Pihak MDPT boleh membuat ujian bertulis / ujian kecergasan sebagai mekanisme tapisan sekiranya perlu.**
- (d) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 10 FEBRUARI 2026